

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM

(BANDAR TUN RAZAK)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.06.2014

Y.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan analisa kos faedah komprehensif bagi kaedah lain untuk mempelbagaikan dan/atau melebarkan sumber pendapatan negara seperti cukai "durian runtuh", "capital gains tax", cukai warisan dan cukai "Buffet" telah dijalankan sebagai alternatif bagi GST.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengenalan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) adalah merupakan langkah penyusunan semula struktur percukaian negara bagi mengatasi beberapa kekurangan di bawah sistem cukai penggunaan sedia ada iaitu cukai jualan dan perkhidmatan. GST bukanlah satu cukai baharu atau cukai alternatif untuk mempelbagaikan sumber hasil negara. GST merupakan suatu bentuk cukai penggunaan yang lebih cekap, telus dan mesra perniagaan. Secara tidak langsung, pengenalan GST akan membawa faedah-faedah seperti peningkatan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 0.3% dan peningkatan eksport sebanyak 0.5% pada tahun 2015. GST juga mempunyai elemen *self-policing* yang akan dapat meningkatkan pematuhan cukai dan sekaligus meningkatkan kutipan hasil.

2. Kerajaan juga telah membuat kajian kesesuaian untuk memperkenalkan beberapa jenis cukai seperti *capital gains tax*, *inheritance tax* dan *wealth tax*. Kajian tersebut mendapati pengenalan cukai-cukai ini bukanlah merupakan pilihan terbaik berbanding dengan pelaksanaan GST dalam konteks persekitaran ekonomi negara pada masa ini.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cukai “durian runtuh” atau *windfall tax* boleh dibuat dalam beberapa bentuk. Namun begitu ia lazimnya dikaitkan dengan keuntungan luar biasa sesebuah industri. Amalan sekarang ialah mengenakan cukai khusus atau kadar cukai tambahan kepada industri tersebut berbanding kadar standard. Walau bagaimanapun, pendapatan daripada sumber hasil keuntungan luar biasa adalah kurang stabil dan tidak begitu signifikan kerana ianya bergantung kepada harga pasaran dunia. Cukai ini juga sukar untuk diperluaskan kepada industri atau sektor lain kerana ia memberi implikasi ke atas kecekapan pasaran dan daya saing negara. Di Malaysia, cukai keuntungan luar biasa dikenakan ke atas industri kelapa sawit yang dikenali sebagai levi keuntungan luar biasa. Berdasarkan data awal, kutipan daripada cukai ini pada tahun 2013 adalah sebanyak RM7.25 juta. Data menunjukkan bahawa sumbangan tambahan daripada cukai ini adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (CJP) sedia ada. Oleh demikian adalah lebih wajar sistem CJP tersebut ditambah baik dengan menggantikannya dengan sistem GST yang lebih cekap.

4. Mengenai cadangan pengenaaan *capital gains tax* (CGT), elemen CGT sebenarnya telah dilaksanakan secara terhad dalam sistem percukaian Malaysia menerusi pengenaaan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) atau *Real Property Gains Tax*. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Kementerian Kewangan, didapati CGT belum sesuai untuk dilaksanakan secara menyeluruh kerana pasaran modal di Malaysia masih perlu dimantapkan. Sebagai perbandingan, Singapura dan Hong Kong yang merupakan antara pasaran modal utama di rantau ini juga tidak mengenakan CGT ke atas transaksi sekuriti.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan terus mengkaji dan melaksanakan penstrukturan cukai dengan mengambil kira kesesuaian persekitaran ekonomi, pendapatan rakyat, pembentukan modal dan faktor lain untuk mengekalkan daya saing negara dan terus menjadikan Malaysia lokasi pelaburan yang menarik.

Sekian, terima kasih.